

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JANUARI 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

## Jabatan Perangkaan diperkasa

# Jabatan Perangkaan diperkasa

### Jadi agensi pusat modenisasi perkhidmatan statistik negara

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Ismail Sabri berkata, Jabatan Perangkaan akan diperkasa sebagai agensi pusat dengan penguasaan organisasi serta modenisasi perkhidmatan statistik negara.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat pertama Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN) yang dipengeruskannya, semalam.

MSDN bertindak sebagai badan penasihat tertinggi dalam memberi panduan dan hala tuju bagi mengukuhkan tadbir urus sistem statistik negara.

Mesyuarat itu bersetuju melantik Ketua Pegawai Data (CDO) melalui penugasan semula tugas pegawai sedia ada di setiap kementerian, jabatan atau agensi pada peringkat persekutuan dan negeri mulai tahun ini secara berperingkat.

"Mesyuarat MSDN juga bersetuju mengenai pelaksanaan rancangan tindakan Penguatkuasaan Sistem Statistik Negara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ismail Sabri berkata, pemerkasaan Jabatan Perangkaan itu berikutan MSDN berpendapat data adalah aset negara yang perlu diurus dengan baik supaya dapat memberi pulangan yang

besar kepada negara.

Data yang mengandungi maklumat penting itu boleh memberi garis panduan ke arah pencapaian matlamat dasar dan wawasan negara.

"Kepelbagaian maklumat pada peringkat nasional amat kritikal untuk diselarasakan. Krisis kesihatan dan bencana alam yang melanda negara turut menuntut kepada keperluan ketersediaan data lebih komprehensif dan bersepadu.

Ia akan meneraju maklumat peringkat tertinggi negara (kerajaan dan swasta), penyaluran data terkini dan mengharmonikan proses kerja statistik," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebuah Jawatankuasa Eksekutif dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali ditubuhkan untuk memacu

kolaborasi antara kementerian dan agensi serta pihak swasta dalam merealisasikan agenda berpandukan hala tuju MSDN.

Empat kluster dikenal pasti sebagai komponen penggerak di bawah Jawatankuasa Eksekutif yang berperanan dalam mengenal pasti dan menentukan keutamaan bagi memenuhi keperluan penguatkuasaan sistem statistik negara.

"Kluster berkenaan termasuk ekonomi, pertanian dan perindustrian; kluster pendidikan, sosial dan kependudukan; kluster kesejahteraan, keselamatan dan kesihatan serta kluster infrastruktur, teknologi dan alam sekitar.

"Ia juga akan menyelaras keperluan teknikal, pungutan serta penyebaran statistik supaya perkongsian data sedia ada daripada kementerian, agensi awam dan

swasta dapat digunakan dengan cekap ke arah penghasilan output statistik rasmi berimpak tinggi dalam merealisasikan agenda berpandukan hala tuju MSDN," katanya.

Ismail Sabri berkata, bagi menyokong MSDN pada peringkat Persekutuan, MSDN Negeri dan Wilayah (MSDN NgW) akan ditubuhkan di setiap negeri dan Wilayah Persekutuan bagi memantapkan tadbir urus sistem statistik negeri dan daerah sehingga peringkat terkecil seperti kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Beliau berharap penubuhan MSDN mampu memberikan impak positif antaranya menjamin ketersediaan data yang lebih holistik dalam merangka dasar jangka pendek dan jangka panjang negara demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.